


# Bebas tanpa kongkongan

Jadikan anak sebagai 'kawan' untuk kenali emosi



**?** SAYA berumur 47 tahun dan isteri 39, serta mempunyai empat anak, berusia antara 8 hingga 17 tahun. Anak lelaki kedua saya yang berusia 11 tahun, ada ketika ini menimbulkan masalah. Baru-baru ini, dia ponteng sekolah agama dan bermain video di kafe siber. Saya juga mengesyaki dia mencuri duit kerana ada ahli keluarga lain kehilangan duit. Untuk makluman Dr Mastura, kejadian itu bukan kali pertama. Sebelum ini saya pernah meng-hukumnya atas kesalahan sama. Saya dan isteri tidak pernah membezakan anak-anak. Bagaimanapun, kerenaahnya menduga kesabaran. Apakah pendekatan sesuai menangani masalahnya. *Hamidun*

**Bersama**  
**Dr Mastura Badzis**

**P**ERKEMBANGAN remaja sekitar usia antara 11 hingga 14 tahun berlaku dengan pantas. Sama seperti bayi bawah dua tahun berkembang begitu ketara dan segi fizikal, kognitif dan sosio-emosi. Kesan perubahan mendadak mendatangkan tekanan terutama jika tiada bimbingan, sokongan, prihatin daripada orang dewasa, selain mema-

hami pergolakan berlaku dalam jiwa serta pemikirannya. Perubahan yang berlaku secara semula jadi itu menyebabkan mereka ingin bersendirian atau menjauhkan diri daripada orang lain. Secara tidak langsung ia akan memberi kesan kepada kesihatan seperti sakit kepala, hilang selera makan dan sebagainya. Keadaan itu menyebabkan mereka rasa letih, kurang bersemangat, bertenaga dan malas. Keletihan akibat daripada perubahan fisiologi dan tekanan berterusan terutama apabila diminta melakukan kerja atau tugas yang melebihi daripada usia sebenarnya. Sememangnya keinginan anak di peringkat awal remaja turut berubah sejajar dengan perubahan fizikalnya. Ini menjadikan mereka selalu tiada pendirian dan tetap daya pemikiran. Mereka biasanya akan menunjukkan sikap mudah merasa jemu terhadap sesuatu yang dilakukan dan sering menank diri atau menalak melakukan pelbagai aktiviti. Justeru, situasi berkenaan antara faktor kenapa remaja ponteng sekolah terutama jika kelas itu gagal menarik

minatnyanya. Natijahnya, Hamidun mendapati anaknya agak 'degil' dan sering membertontok, perasaan yang berkecamuk itu akan memberi kesan bukan saja pada diri, malah terhadap ahli keluarga yang lain. Dia sering bertengkar dan kadangkala cemburu tidak menentu. Antara permasalahan utama dihadapi anak yang sedang memasuki usia remaja juga ialah penyesuaian diri dengan orang yang lebih dewasa atau lebih matang daripadanya, khususnya ibu atau bapa. Lantas sedikit demi sedikit mahu 'bebas' daripada kongkongan orang dewasa dalam menentukan kehidupannya. Pada masa sama, kanak-kanak juga mudah mengikut pengaruh rakan sebaya. Dari aspek kognitif, mereka masih belum dapat memikirkan kesan dan akibat daripada sesuatu tindakan yang dilakukan, selain pengalaman cetek. Dalam konteks ini, ibu bapa memainkan peranan penting untuk menangani masalah anak. Hubungan ibu bapa dan remaja akan lebih akrab sekiranya saling memahami jiwa

anak, selain menjadikannya sebagai 'sahabat' bagi memudahkan proses mendisiplin mereka. Bertepatan dengan kata-kata Imam al-Ghazali, (wahai ibu bapa) jauhilah anak-anakmu daripada berkawan dengan rakan sebaya yang buruk akhlaknya". Mengenai anak Hamidun yang disyaki mencuri wang, seharusnya dia tidak bertindak melulu dengan menduduhnya, sebaliknya perlu menyojiasat untuk mengenal pasti sama ada dia melakukan perbuatan itu. Anak pada peringkat awal remaja yang 'mencuri' tidak semestinya berniat untuk mencuri apatah lagi kalau dia mendapat didikan agama yang secukupnya. Dia memang tahu mencuri itu salah tetapi mungkin mencuri sebagai cara untuk mendapatkan perhatian atau melepaskan rasa marah, geram yang terbuka di hatinya. Kerenggangan hubungan ibu bapa disebabkan terlalu sibuk dengan tugas seharian menjadikan anak tidak tahu kepada siapa untuk mencurah perasaan. Mungkin juga, dia mencuri sebagai cara untuk membalas dendam terhadap seseorang kerana rasa sakit hati atau tindakan memprotes. Sebagai contoh, mungkin dia dipukul tanpa sebab dan pada masa sama tidak diberi peluang untuk menjelaskan apa yang berlaku. Justeru, Hamidun perlu mencari jalan dengan mendekatinya. Jadikan anak sebagai 'kawan' bagi mengenal pasti pergolakan emosi melanda dirinya atau permasalahan dihadapinya. Berkomunikasi dari hati ke hati ke hati manakala anda juga perlu mengawal emosi supaya tidak cepat memarahinya. Pastikan ia tidak dilakukan di hadapan adik beradik lain bagi menjaga 'air muka' dan harga dirinya. Ibu bapa perlu lebih banyak bersabar dan memahami bahawa remaja memang sukar menerima pandangan orang lain. Jika tepat pendekatan, jiwa mereka juga mudah dikuasai kerana dari segi kognitif dan emosinya, mereka sudah mula memikirkan mengenai orang lain. Hukuman berbeza fizikal hanya akan menyebabkan mereka membertontok atau sengaja mengulang kesilapan dan keadaan akan menjadi bertambah buruk.

**INFO**

**Tip tangani masalah anak :**

- Kenal pasti faktor menyebabkan perubahan tingkah laku mencurigakan.
- Beri perhatian kepada anak walaupun ada terlalu sibuk dengan tugas seharian.
- Beri kebebasan berkawan, tetapi perlu kenal pasti siapa kawannya.
- Berhikmah dalam mendidik. Mendidik jiwa dengan jiwa, bukan dengan emosi.
- Memilih waktu yang sesuai untuk menasihati atau berbicara, contohnya ketika bermain bersama, sebelum masuk tidur dan waktu makan.
- Sentiasa berlaku adil dengan anak-anak.
- Bercakap dengan tenang ketika berhadapan dengan anak, khususnya bagi tujuan mendisiplinkan.
- Jauhi kata-kata kesat dan kutukan.

**ANDA** ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhnhita@bharian.com.my](mailto:bhnhita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.